

15/07/2002

Sistem ganti SSB diumumkan selepas dilulus Kabinet

Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA, Ahad - Sistem gaji baru kakitangan awam bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) akan diumumkan secepat mungkin selepas kajian semula itu mendapat persetujuan Kabinet, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun beliau diberi mandat penuh oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Anggota Sektor Awam untuk membuat keputusan mengenai laporan cadangan itu, beliau perlu mendapatkan persetujuan Jemaah Menteri.

"Ia akan diumumkan selepas Kabinet meluluskannya," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penghargaan Le Tour de Langkawi 2002 dan Pelancaran Le Tour de Langkawi 2003 di Hotel Marriot Putrajaya, di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas kedudukan kajian semula SSB itu yang sudah dikemukakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada jawatankuasa Kabinet yang beliau sendiri mempengerusikannya.

Kajian semula SSB dibuat berikutan persetujuan Perdana Menteri, Mac lalu terhadap gesaan berterusan kakitangan awam Cuepacs yang tidak berpuas hati dengan Sistem Gaji Matriks sistem saraan itu yang dilaksanakan sejak 1992.

Mereka menyifatkan sistem itu sebagai tidak telus serta terdedah kepada pilih kasih dan tidak adil selain penetapan kuota hanya lima peratus daripada kakitangan awam mendapat kenaikan gaji menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs antara lain mencadangkan Sistem Gaji Sebaris yang mengambil kira kebolehan dan kecekapan sebagai asas penilaian prestasi, diterima pakai bagi menggantikan SSB.

Sistem baru itu dikatakan menuntut kakitangan awam supaya lebih produktif tetapi ini tidak bermakna peningkatan gaji secara automatik diberi setiap tahun seperti diamalkan SSB.

JPA dan Cuepacs sudah mengadakan empat pertemuan sejak tahun lalu bagi mengkaji dengan tujuan menjadikan SSB sistem lebih baik.

Awal tahun ini, JPA mengemukakan laporan kajian itu kepada Perdana Menteri tetapi jabatan itu diarah untuk memperhalusi semula kerana cadangan yang dikemukakan akan membabitkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion.

Bulan lalu, Dr Mahathir berkata, skim gaji baru itu akan lebih telus serta berasaskan merit dan akan memanfaatkan lebih ramai kakitangan awam.

Ditanya apakah beliau sudah memberi persetujuan kepada sistem gaji baru itu, Dr Mahathir berkata, persetujuan beliau bukan perkara utama.

"Saya sudah melihatnya tetapi ia bukan soal persetujuan saya tetapi soal sama ada Kabinet akan meluluskannya," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga penaung perlumbaan antarabangsa itu, turut menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil petugas serta penaja dan Hadiah Kuiz Bonanza Le Tour de Langkawi 2002 kepada pemenang.

Perdana Menteri turut menyampaikan watakah pelantikan Cartel (M) Sdn Bhd sebagai penganjur Le Tour de Langkawi 2003.

Hadir sama ialah Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff dan Pengerusi Eksekutif Cartel, Datuk Wan Lokman Wan Ibrahim.